

KLUANG: Sultan Johor, Sultan Ibrahim bertitah kepada mangsa banjir di negeri ini supaya menjaga keselamatan diri sepanjang musim banjir ini. "Jangan main air," titah baginda ketika mencemar duli ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Agama Sri Kampung Tengah 1 di sini, semalam.

Titah baginda itu walaupun ringkas tetapi membawa makna yang cukup mendalam dan ia menunjukkan keprihatinan baginda demi memastikan keselamatan rakyat jelata sepanjang musim banjir ini.

Tiba di pusat pemindahan itu pada kira-kira jam 2 petang, baginda turut bertitah bahawa nyawa ahli keluarga lebih utama.

Terdahulu, baginda turut mencemar duli melawat 330 mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Sri Kenchana, Machap.

'Jangan main air'



BERJIWA RAKYAT...Sultan Johor beramah mesra dengan mangsa banjir di Sekolah Agama Sri Kampung Tengah 1.

Bukit Kepong 'diserang' bah

Penduduk sudah mula sedia berpindah sejak hujan lebat tiga hari lalu

>>Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my

PAGOH: Hujan lebat berterusan sejak tiga hari lalu hingga awal pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Bukit Kepong di sini, dinaiki air.

Tinjauan di beberapa kawasan rendah di Kampung Bukit Bender, Kampung Tiu serta Kampung Raja semalam mendapati penduduk sudah mula bersedia untuk dipindahkan ke pusat pemindahan banjir.

Seorang penduduk Kampung Bukit Bender, Othman Wahid, 50, berkata, kawasan rumahnya belum lagi dinaiki air sepenuhnya, tetapi tanah rendah di belakang kediamannya itu sudah mula digenangi air separas lutut.

"Hujan berterusan menyebabkan kebun kelapa sawit milik keluarga ditenggelami air separas pinggang, pagi Isnin lalu saya mengait kelapa sawit dan membersihkan kawasan sekitar kerana air belum naik tetapi semalam, ia sudah mencapai paras berkenaan.

"Air mula naik sejak malam kelmarin, saya risau banjir kali ini akan mengulangi apa yang kami alami Januari lalu di mana banjir menenggelamkan

KERJASAMA...penduduk mengeluarkan bot untuk menghantar makanan kepada penduduk di pendalaman.



BAHAYA...Othman membersihkan kebun kelapa sawit walaupun meredah air separas pinggang.

pokok kelapa sawit dan menjejaskan pendapatan," katanya.

Ketua Kampung Bukit Kepong, Hazli Mohd Amin berkata, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) sudah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan banjir.

"Hujan berterusan menyebabkan paras air Sungai Bukit Kepong naik, tetapi masih belum melimpah, kami harap penduduk sentiasa ber-

waspada dengan paras air dan mereka dinasihatkan segera berpindah ke tempat lebih selamat jika paras air itu naik mendadak," katanya.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Muar dan Ledang, Mohd Hayal Atan ketika dihubungi berkata, paras air di Sungai Bukit Kepong masih berada pada paras normal.

"Paras air di Liang Batu

sehingga tengah hari kelmarin berada di paras 0.79 meter (m) berbanding paras normal iaitu 1.52m.

"Di Sungai Kesang, Kampung Sri Makmor, bacaan terkini adalah 3.56m dan ia menghampiri paras amaran iaitu 3.80m," katanya.

Menurut Hayal, di Olak Sepam, Pagoh pula, paras air dicatatkan pada 0.81m berbanding paras normal iaitu 1.52m.

870 mangsa banjir pulang

JOHOR BAHRU: Cuaca cerah sejak semalam membolehkan 870 mangsa dibe-narkan pulang menjadikan jumlah keseluruhan mangsa banjir yang masih ditempatkan di pusat pemindahan banjir di seluruh negeri ini kepada 1,826 berbanding 2,696 mangsa seperti yang direkodkan kelmarin.

Sehingga jam 7 malam semalam, sebanyak 16 pusat pemindahan banjir ditutup dan hanya 17 masih beroperasi.

Jurucakap bilik gerakan banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) Johor berkata, biarpun cuaca bertam-bah baik, Kluang masih mencatat jumlah mangsa tertinggi iaitu 1,394 mem-babitkan 361 keluarga yang ditempatkan ditujuh pusat pemindahan.

"Daerah kedua teruk terjejas

ialah Batu Pahat membabitkan 223 mangsa (60 keluarga) di lima pusat pemindahan, Segamat membabitkan 173 mangsa (37 keluarga, empat pusat pemindahan) manakala Pontian hanya satu pusat pemindahan masih dibuka menempatkan 36 mangsa daripada 10 keluarga.

"Semua mangsa itu tidak dibenarkan pulang berikutan air di kawasan kediaman mereka masih belum surut," katanya.

Taburan hujan di semua kawasan yang direkodkan semalam berada paras normal.

Hingga kini hanya satu laluan ditutup dan tidak boleh digunakan semua jenis kenderaan darat termasuk kenderaan berat iaitu di jalan tanah merah estet menuju ke Kampung Orang Asli Peta, Kahang, Kluang.

Banjir di Johor

MANGSA BANJIR DI JOHOR
(Setakat jam 7 malam, 21 Disember 2011)

Daerah	Jumlah Mangsa	Bilangan Keluarga	Pusat Pemindahan
Batu Pahat	223	60	5
Segamat	173	37	4
Kluang	1,394	361	7
Pontian	36	10	1
Jumlah	1,826	468	17



Jumlah keseluruhan mangsa dipindahkan: 1,826

Jumlah keluarga: 468

Pusat pemindahan beroperasi: 17

Pusat ditutup: 16

Jumlah kematian: 0

Laluan ditutup: Laluan estet (tanah merah) menuju ke Kampung Orang Asli Peta, Kahang, Kluang

TABURAN HUJAN (PARAS BAHAYA 60 MILIMETER (MM) PADU)

Kawasan	(mm)
Semua kawasan	normal

PARAS SUNGAI



Kawasan	Melebihi paras bahaya (m)	Paras bahaya (m)	Paras berjaga-jaga (m)
1 Sungai Lenik di Chaah, Batu Pahat		6	5.82
2 Sungai Benut di Simpang Renggam		7	6.50
3 Sungai Muar di Kampung Awat		19.95	19.58
4 Sungai Muar di Buloh Kasap		9.14	9.01
5 Sungai Senggarang di Senggarang	3.5	3.2	
6 Sungai Muar di Bukit Kepong		3.04	2.53